

BAB VI

BAB YO FASAL SALASILAH NANING

(80) Bahawa di bawah Bab Yo Fasal ini, diperkenalkan Dato' Nan Dua Selo iaitu Dato' Ketemenggung dan Dato' Perpatih Nan Sebatang. Bahawa mengikut apa yang tersebut di dalam Tambo iaitu Dato' Ketemenggung dengan Dato' Perpatih Nan Sebatang adalah adik-adik. Dato' Ketemenggung yang tua Dato' Perpatih Nan Sebatang yang bongsu. Kedua adik-beradik ini satu emak berlainan ayahnya.

(81) Bahawa ayahnya bagi Dato' Ketemenggung bernama Sang Sapurba Seir Tiri Buana Raja Mauliwarman dan emaknya bernama Indo Chati saudara Suri Diraja, maka dianugerahi oleh Allah S.W.T. mendapat seorang anak lelaki tunggal iaitu Sultan Paduka Basa' kemudiannya digelar Dato' ketemenggung. Apabila ayahnya mangkat maka emaknya berkahwin pula dengan Suri Diraja bernama Chitti Bilang Pandai dan dianugerahi oleh Allah S.W.T. mendapat empat orang puteri dan seorang puteri. Puteri-puteri tersebut bernama:

- i. Puteri Reno Mande.
- ii. Puteri Ambun Suri.
- iii. Puteri Chaya Dune'
- iv. Puteri Seri Alam.

Dan yang bongsu "Balun" bergelar Dato' Perpatih Nan Sebatang.

(82) Bahawa kemudian daripada itu maka Dato' Nan Dua Selo ini di dalam Tambo mereka dikiaskan:

- i. Dato' ketemenggung dikiaskan "Beliau tidur bobanda botueng (maksudnya ada berbantal peluk) banyak tidur daripada berjaga. Maksudnya beliau merupakan orang senang dan beristana di Bungo Setangkai Sungai Tarab.
- ii. Dato' Perpatih Nan Sebatang pula dikiaskan "Beliau bobanda kerembek bulek", banyak berjaga daripada tidur, beliau menjauhi kesenangan peribadi iaitu diadatkan:

Mendapat sama laba,
Cicir sama rugi,
Hati kuman sama dicecah,
Hati gajah sama dilapah.

Katuk paku kacang belimbing,
Tempurung dilenggangkan,
Singgah memarun di suasa,
Anak di pangku pusaka dijunjung,
Ke manakan dibimbing,

Anak-anak buah di kampung,
Dipelenggangkan,
Supaya negeri jangan rosak binasa.

Begitulah kesimpulan kehendak 'Adat Nan Diadakan':

Kalau dibalun sebelum kuku,
Kalau dikembangkan selebar alam.

- (83) Bahawa kemudian daripada itu apabila mangkat Dato' Perpatih Nan Sebatang tersebut di dalam Tambo penggantinya diadakan bergelar "Bendahara Kuning dikiaskan dengan Gajah Godang Patah Gading". Maksudnya sungguhpun beliau "pucuk latih budi ciniago" namun Lembaga Tertinggi terletak pada Dewan juga, maksudnya kekuasaan terletak kepada kebulatan di Balai Bortunggek Tareh Jelatang.

Tempat pulau nan menanjung.
Tempat dagang keluar masuk,
Tempat saudagar berjual beli,
Tempat tongkang keluar masuk,
Tempat perahu lengkang-lengkung,
Siapa yang empunya? Ialah Dato'
Ketemenggun".

- (85) 'Adat Dato' Ketemenggun

Maka mengundanglah ia,
Siapa berhutang, siapa membayar,
Siapa salah, siapa bertimbang,
Siapa membunuh, siapa kena bunuh.
Tidak mendatang, hukuman putus,
Tidak boleh dikisar lagi,
Pantang raja mendua kali bertitah.

- (86) Kemudian daripada itu:

Menghulu ke Kampar kanan,
Tempat air segantang selubuk.
Tempat pasir bertimbun-timbun,
Tempat akar berjabat daun.
Tempat kayu bersanggit dahan,
Tempat tupai turun naik,
Tempat kera berlompatan,
Tempat beruk berbuai kaki,
Tempat sinapas berulang mandi,
Tempat sikongkang berulang tidur,
Tempat enggang terbang lalu,
Tempat ular tidur berlingkar.
Tempat musang tidur bergelung,
Tempat katak berbunyi malam.

Tempat siamang berguguan,
Tempat ungka bersayu hati.
Tempat puntianak berjeritan,
Tempat padang nan luas,
Tempat binatang dua kaki,
Pandang jauh gagak hitam,
Tengok dekat bangau putih,
Sayapnya lebar, kepaknya panjang,
Membumbung tinggi,
Hinggap di kayu meranting,
Mana yang jauh nampaklah dia,
Maka pulanglah negeri itu kepada Dato'
Perpatih Nan Sebatang

(87) 'Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang.

Maka mengundanglah dia, mengikut sepanjang
Adat Nan Diadakan:

Salah cincang memberi pampeh,
Salah bunuh memberi diyat,
Salah ambil mengembali,
Salah makan memuntahkan,
Salah buat pesaka luruh,
Kupur taubat salah menyembah.
Adat nan bersendi syarak, syarak nan bersendi kitab Allah.
Adat dapatnya tersirat bukannya tersurat,
Adat nan kata penghulu kata penyelesaian.
Kata kadi kata hakikat,
Kata hulubalang kata menderas,
Kata orang ramai kata berbaluk,
Adat nan pertama cupak nan asali,
Kedua cupak buatan,
Ketiga kata dahulu menepati,
Keempat kata kemudian nan tak bercari,
Adat dapat nan kecil pada nan besar,
Dapat nan besar pada nan Tua,
Dapat nan Tua pada nan sudah,
Adat nan dititik dek Undang,
Adat nan ditampung dek lembaga,
Adat nan tak kuning dek kunyit,
Nan tak lomak dek santan,
Nan tak maneh dek gula,
Nan tak lapuk dek hujan,
Nan tak lokang dek panas,
Adat nan dicabut berpantang layu,
Nan dianjak berpantang mati,
Adat nan dicabut layu, nan dianjak mati,
Adat nan sosek di hujung jalan,
Balik ke pangkal jalan,

Nan sesat di hujung kata,
Balik ke pangkal kata.
Adat nan ular dipalu jangan mati,
Kayu pemalu jangan patah.
Tanah dipalu jangan lumba,
Biar mati anak, jangan mati Adat dan
Selagi tak tertimbus parit nan asali,
Selagi tak patah kalam nan tunggal,
Maka berjalanlah kuatkuasanya,
Adat nan Diadakan,
Adat nan istiadat,
Adat nan teradat,
Adat nan resam,

- (88) Bahawa kemudian daripada itu seharusnya kita semua tahu bagaimanakah kita semua berhak memiliki satu-satu negeri iaitu dengan cara melalui salah satu daripada tiga jalannya.

Pertama - dengan jalan meneroka.

Kedua - dengan jalan tumpah darah (berperang) seperti Jepun menakluki Tanah Melayu dahulu.

Ketiga - dengan jalan tipu helah seperti mana Singapura menjadi Republik Singapura.

Maka Naning terdirinya menjadi sebuah negeri yang Merdeka dan berdaulat ialah melalui “meneroka” iaitu nenek moyang kita yang menerokanya pada abad yang ketiga belas.

- (89) Bahawa kumpulan keluarga yang mula-mula sampai daripada Alam Pagar Ruyung, Minangkabau Sumatra pada abad ke-13 ialah mengandungi empat kumpulan keluarga iaitu:

- i. Kumpulan keluarga Nan Bogajah Tunggal (iaitu Kumpulan Undang hari ini) iaitu keluarga Diraja. (lihat Jadual Kedelapan).
- ii. Kumpulan keluarga Tiga Semelenggang.
- iii. Kumpulan keluarga Tiga Batu.
- iv. Kumpulan keluarga Mungka.

- (90) Maka masuk ke Tanah Besar Semenanjung Tanah Melayu melalui Sungai Melaka, maka mereka sekaliannya mendaratlah beberapa hari di situ tempat berdekatan dengan sungai (sekarang bernama Kampung Hulu-mengambil sempena tempat orang-orang dari Hulu iaitu Naning dan Rembau bertumpu singgah membawa jualan mereka). Dalam di situlah kumpulan keluarga yang empat ini bermalam. Orang-orang Melayu dari Melaka pun datang menemuinya lalu mereka bertanya, “Saudara-saudara dari sebarang

ini orang sebarang bermakna orang-orang yang datang daripada Sumatra) hendak ke mana?" Maka mereka pun mengatakan tujuan mereka datang ke Tanah Besar Semenanjung ini ialah hendak naik ke hulu untuk meneroka. Maka orang-orang Melaka itu dengan sukacita hendak bersama-sama mengikuti mereka. Selepas itu, menghululah mereka mengikuti sungai bersama-sama lima kumpulan keluarga iaitu:

- i. Kumpulan keluarga Diraja nan Diadatkan dan dikenali keluarga Nan Bogajah Tunggal iaitu Keluarga Undang Naning;
- ii. Kumpulan keluarga Semelenggang;
- iii. Kumpulan keluarga Tiga Batu;
- iv. Kumpulan keluarga Mungka;
- v. Kumpulan keluarga Anak Melaka.

(91) Apabila sampai pada satu tempat maka mereka pun mendaratlah di situ. Tempat ini diberi nama Kampung Pangkalan mengambil sempena tempat mereka mendarat. Maka sekarang Kampung Pangkalan yang ada lebih kurang dua batu daripada Pekan Alor Gajah, dan lebih kurang 15 batu daripada Bandar Melaka. Mereka kemudian meneruskan perjalanannya di daratan. Menjelang senja berhentilah mereka di satu tempat untuk bermalam. Mereka mencari Ikan di lubuk-lubuk di situ untuk dijadikan lauk. Ikan yang mereka makan itu sangat lemak lalu mereka berkata, "Tempat ini nanti kita namakan Kampung Ikan Lemak mengambil sempena ikannya yang. sangat lemak (sekarang dikenali Kampung Kelemak). Mereka meneruskan perjalanan di dalam hutan belantara itu dan sampai pada satu paya yang luas. Oleh sebab yang tua-tua berasa letih lalu mereka berhenti bermalam di situ. Tempat ini kemudian diberi nama Paya Datuk, sempena sebab orang tua-tualah mereka bermalam di situ. Sekarang pun masih bernama Kampung Paya Datuk. Mereka meneruskan perjalanan turun bukit naik bukit sehingga pemuda-pemuda pula berasa tulang rusuk mereka sakit-sakit maka berhenti dan bermalam di situ. Maka tempat itu Bukit Serusuk sempena disebabkan pemuda-pemuda yang sakit tulang rusuk. Mereka kemudian meneruskan perjalanan mereka sehingga ternampak satu bukit di mana terdapat banyak buah Sukun. Mereka menuju ke tempat itu, malangnya apabila sampai didapati buah itu ialah buah tompunek bukannya buah sukun, maka dinamakannya bukit itu Bukit Tompunek, hingga sekarang.

(92) Maka mereka memandang ke hadapan maka ternampaklah sebuah bukit tidak jauh daripada Bukit Tompunek itu. Mereka maju ke arah bukit itu dan apabila sampai salah seorang daripada mereka mengatakan bukit tersebut berbisa, lalu bukit itu dinamakan Bukit Bisa, sekarang dikenali Bukit Penyalang sebab segala hukuman bunuh sampai mati dengan disalang dengan Keris Penyalang. Keris itu di tikamkan atas bahu sebelah kanan dan diteruskan melintang dada ke sebelah kiri, itulah Nan Diadatkan "Disalang hingga mati". Sekarang bukit itu yang berhadapan dengan Masjid Tabuh. Maka mereka menetapkan di situlah tempat bermulanya penerokaannya. Maka rombongan

itu dihantar untuk mendaki satu bukit, dan dari bukit ini pemandangannya luas lalu dinamakan Bukit Besar Silau. Kemudian mereka turun menuju ke arah daratan di mana mereka berhenti. Mereka kemudian melalui paya yang luas dan didapati pulau tiga buah sejajar. Maka dinamakannya pulau tersebut Pulau Galang Tiga Sejanjar dan di atas pulau yang tengah di dapati satu sarang Naning (binatang penyengat yang bisa) bercorak kuning terus. Sarangnya di dalam tanah. Maka mereka bersetuju menamakan negeri ini Negeri Naning mengambil sempena naning kuning di atas pulau tiga sejanjar. Apabila mereka mendarat kedengaranlah bunyi tabuh:(dipanggil juga godok) seolah-olah menyambut kedatangan mereka. Maka dicari-cari di dalam hutan itu dan didapati sebuah Tabuh yang sangat besar, lubangnya sahaja membolehkan seorang manusia masuk dengan berdiri. Tabuh ini terus berbunyi. Maka mereka bersetuju kampung ini diberi nama Kampung Tabuh dan diadatkan menjadi Kepala Negeri Naning, hinggalah ke hari ini.

Naning berperang dengan Syarikat India Timur (East India Company), bermula 1831 hingga tahun bulan Jun 1932, maka Naning jatuhlah ke tangan penjajah Syarikat India Timur (East India Company). Maka Negeri Naning dimasukkan dalam peta Negeri Melaka. Naning dibahagi kepada tiga daerah, iaitu daerah Melaka Tengah, daerah Jasin dan daerah Alor Gajah. Kemudian dibahagi-bahagikan kepada mukim. Maka Naning dibahagikan kepada 14 mukim dan tiap-tiap satu mukim itu dilantik seorang digelar penghulu mengikut gelaran Dato' Penghulu Naning (Orang Kaya Seri Raja Merah Undang Naning). Ini merupakan polisi penjajah dengan adanya 14 orang penghulu itu maka taraf Undang Naning pun dengan sendirinya jatuh. Sebenarnya asal gelaran penghulu itu terhad kepada, Negeri Naning, Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau. Masing-masing mempunyai gelaran tertentu iaitu:

- i. Naning bergelar Orang Kaya Seri Raja Merah (Undang Naning).
- ii. Sungai Ujung bergelar Dato' Kelana Putra (Undang Sungai Ujong).
- iii. Jelebu bergelar Dato' Mendelika Menteri Akhir zaman (Undang Jelebu).
- iv. Johol bergelar Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Setiawan (Undang Johol).
- v. Rembau bergelar dato' Lela Maharaja (Undang Rembau),

Gelaran Penghulu dan diikuti pula dengan gelaran Undang yang dahulunya cuma ada gelaran penghulu itu lima sahaja. Dasar penjajahan mencipta bilangan gelaran penghulu itu berlipat ganda, maka gelaran penghulu itu dengan sendirinya dipandang rendah hingga ke hari ini. Tetapi tahukah kita daripada mana tumbuhnya gelaran penghulu itu? Penghulu tumbuhnya daripada perkataan pemegang hulu. Biasanya gelaran ini ditujukan kepada Nabi Muhammad s.a.w., penghulu besar, sebab Rasulullah s.a.w. yang memegang hulu Zulafakar. Maka bagi menyesuaikan Undang itu ada mempunyai hak pemutus dan tertinggi di dalam Luak (negeri) nya masing-masing, yang mana pedang pemancung, tali pengikat di dalam tangan Penghulu (Undang). Maka Diadatkan gelaran penghulu itu diikuti selepas gelaran dan Undang

kemudiannya. Jangan kita salah faham jika seorang yang menjunjung Pesaka gelaran masing-masing sebelum menjunjung Pesaka Penghulu maka Undang tidak ada, ia di dahulu Penghulu kemudian selepas Bokorjan (berke-
rajaan) maka "Undang" itu dengan sendirinya tumbuh oleh sebab Undang
itulah yang berkuasa mengundang di bawah kuasa adat yang berbunyi:

Undang nan berkelantasan,
Lembaga Nan Bersekat,
Undang Menitikan,
Lembaga menampung.
Undang melonjak tak terserunda,
Berlenggang tak tersangkut,
Sah batal pada lembaga,
Hidup mati pada undang.

Begitulah nasibnya Naning yang telah terjajah selama lebih daripada 100 tahun, maka hingga hari ini Undang Naning selalu dipandang rendah tidak tahu apa sebabnya, boleh jadi di dalam Perlembagaan Negeri Melaka Artikel 34 dan jadual kedua yang berbunyi".

".. seorang untuk menyandang jawatan Dato' Penghulu Naning mengikut adat Perpatih Naning" terhadap gelaran Dato' Penghulu itu? Maka mengikut kehendak Adat Nan Diadakan (hendaklah) iaitu mengenai gelaran ialah Orang Kaya Seri Raja Merah Dato' Penghulu Naning (Undang Naning) kenapa pihak-pihak tertentu tidak memperagungkan Perlembagaan Negeri. Maka dengan itu di dalam Artikel 34(2), tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Dato' Penghulu Naning adalah berhak mengambil keutamaan selepas Yang Di Pertua Negeri dalam Wilayah Adat Perpatih Naning. Kami memberikan nasihat iaitu segala yang dikanunkan di dalam Perlembagaan Negeri Melaka dan Perlembagaan Persekutuan adalah dengan persetujuan Baginda Queen dan Raja-raja Persekutuan Tanah Melayu sewaktu penyerahan kuasa (Merdeka) dahulu dan Perlembagaanlah undang-undang Tertinggi dalam Negara kita, tentulah tidak dengan terperinci satu-satu Bab Yo Fasal itu. Kami menasihatkan supaya Dato'- Dato' Nan Bersekat khasnya dan Anak Buah amnya jangan disalahgunakan terhadap perlembagaan Negara kita".

(92)(i) Bahawa 14 Mukim dalam Naning dicipta oleh. Syarikat India Timur (Fast India Company) selepas Naning jatuh ke tangan British pada 1831 hingga Jun 1932, dengan memberi gelaran Penghulu kepada seorang yang dilantiknya menjadi undang Naning iaitu:

- i. Mukim Kelemak- Manja dilantik sebagai Penghulu.
- ii. Mukin Pegoh - Mamat dilantik sebagai Penghulu.
- iii. Mukim Melekek - Maulana dilantik sebagai Penghulu.
- iv. Mukim Taboh - Safar dilantik sebagai Penghulu.

- v. Mukim Lendu seorang bernama Kiman dilantik sebagai Penghulu.
- vi. Mukim Ayer Paabas - Dol dilantik sebagai Penghulu.
- vii. Mukim Ayer Berisu - Alauddini dilantik sebagai Penghulu.
- viii. Mukim Sungai Siput - Laut dilantik sebagai Penghulu
- ix. Mukim Padang Sebang - Kucak dilantik sebagai Penghulu.
- x. Mukim Tanjung Rimau - Lengku dilantik sebagai Penghulu.
- xi. Mukim Pulau Sebang - Talib dilantik sebagai Penghulu.
- xii. Mukim Kemuning - Udin dilantik sebagai Penghulu.
- xiii. Mukim Tebong - Dol dilantik sebagai Penghulu.
- xiv. Mukim Batang Melaka - Kucak dilantik sebagai Penghulu.

Begitulah politik penjajah dan perintah. Mukim-mukim itu juga ciptaan penjajah. Maka dengan adanya gelaran asal penghulu maka Penjajah taburkan 'gula-gula' kepada penduduk Naning menjadi kepada 14 bergelar penghulu pada permulaannya, maka dengan cara begitu pihak anak-anak buah Naning leka, terutama yang mendapat gelaran dan habuan daripada penjajah. Pada tahun 1951 pihak Residen Melaka telah mendirikan sebuah rumah rasmi untuk Undang Naning (ketika itu Dato' Mohd Shah bin Mohd Said) iaitu Balai Undang Naning; Bukit Seri Naning. Hal-hal bersabit dengan kuasa-kuasa Adat Perpatih Naning tidaklah dicabulinya. Yang sangat menarik, untuk pengetahuan Dato'- Dato' Lembaga Nan Bosokat dan anak-anak buah seluruhnya iaitu:

Pada hari penyerahan kunci rumah ini kepada saya. di antara ucapan Resident ialah:

"... Rumah ini didirikan untuk kediaman rasmi Undang Naning dan rumahlah dijadikan tempat semua orang-orang Naning berkumpul untuk mengadakan mesyuarat, dan untuk mendapatkan fikiran kerjasama di antara golongan Dato'- Dato' dengan anak buah begitu juga dengan Kerajaan Negeri".

Maka atas kemahuan beliaulah maka Balai ini terbuka kepada semua bagi sebarang keramaian dan mesyuarat kecuali mesyuarat badan-badan politik tidak diizinkan. Siapa yang berhajat menggunakan Balai ini bolehlah berunding dengan Setiausaha Balai Undang Naning.

- (ii) Perhubungan dengan Taboh Keramat itu telah diputuskan oleh British selepas Naning jatuh ke tangan British. Walau bagaimanapun harus kita ingat semasa peperangan dahulu kita menggunakan gondang dan bolong

menggantikan Taboh sebagai isyarat kedudukan kita berada dengan memukulnya.

(93) Bahawa berhubung dengan Bukit Bisa sekarang bernama Bukit Penyalang itu satu kawasan bukit telah dikanunkan oleh Kerajaan British menjadi Village Timber Reserve untuk mengelakkan kawasan Bukit Penyalang itu dikeluarkan hak milik kepada orang ramai. Bukit itu digunakan untuk menjalankan istiadat Bokorjan (Berkerajaan) Undang Naning dan adat pertama ialah Istiadat Monajat oleh Undang dijalankan di atas Bukit Penyalang itu. Keterangan selanjutnya mengenai Bukit Penyalang lihat Jadual 27.

(94) Di Bukit Penyalang ini bermulanya mereka membuka bolah dan meneroka. Maka apabila terhampar lebar maka suka diingatkan iaitu mereka ini bekerja dengan bergotong-royong. Maka mula-mula diumpokkan kepada Kumpulan Keluarga Nan Bogajah Tungga (Keluarga Undang) diberi sempadannya ke hulu pokok Ipoh Bisa, ke hilir anak air melintang ke baruh Pulau Gelang Tiga Sejajar dan ke darat Bukit Bisa (Bukit Penyalang sekarang), maka dinamakan Kampung Tabuh mengambil sempena Taboh Keramat itu. Maka luasnya hingga hari ini lebih kurang 20 - 25 ekar sahaja, hinggalah sampai sekarang ini, itulah harta Pesaka (tanah) yang diterokai untuk Kumpulan Nan Bogajah Tungga itu.

(95) Maka bakinya pula diumpok-umpokkan kepada Kumpulan Keluarga yang empat itu. iaitu:

- i. Kumpulan Keluarga Semelenggang.
- ii. Kumpulan Keluarga Tiga Batu.
- iii. Kumpulan Keluarga Mungka
- iv. Kumpulan Keluarga Anak Melaka.

Maka dibahagilah sama banyaknya di antara mereka, jadi satu Kumpulan Keluarga itu mendapat suku bahagian daripadanya.

(96) Maka selepas itu mereka sekalian berikrarlah iaitu harta tanah yang diterokai itu dijadikan tanah wakaf zuriat bagi keturunan anak-anak buah mereka masing-masing (kumpulan keluarga) baik lelaki mahupun perempuan dan sekalian pondan maka dikanunkan harta tanah yang diterokai itu sepanjang kehendak adat nan diadatkan yang berbunyi "jual tak makan beli, gadai tak makan tebus" (iaitu tidak boleh dijual gadai, melainkan si penerimanya ialah turun-temurun bagi suku kumpulan keluarga itu dengan mengikut koden-kodennya. Semasa itu

jung maka Diadatkan baginya menjunjung Pesaka anak, maksudnya manakala ada anak buah yang layak nanti dan menuntut maka Pesaka itu terserahlah kepada suku itu. Jika orang somondo tidak ada yang layak maka terbukalah kepada anak buah daripada suku yang lain dalam Kariah masjid itu dan diadatkan baginya menjunjung Pesaka sementara hari nak siang. Jadi apabila ada anak buah suku itu yang alim dan menuntut maka Pesaka Itu diserahkan kepada suku Itu. (lihat Fasal 19 Bab iii).

(104) Bahawa kemudian daripada itu bags tiap-tiap suku Lembaga Nan Bosokat itu adalah Pesaka Hulubalang masing-masing dengan gelaran mereka:

- i. Dato' Panglima Berantai bagi Suku Semelenggang.
- ii. Dato' Panglima Jati bagi Suku Tiga Batu.
- iii. Dato' Panglima Laksamana bagi Suku Mungka.
- iv. Dato' Panglima Anggit bagi Suku Anak Melaka.

(105) Pada abad ke- 15, Naning pun berkembang dan 5 keluasanya telah sampai dart Bangkong Condong (sempadan Johor) hingga ke Bukit Putus (sempadan Negeri Sembilan) dan terus ke Ulu Air Panas dan ke Tanjung Lubuk Bantal dan Tanjung Bidara menuju ke Paya Rumpit dan terus batik ke Bangkong Condong (lihat Bab II Fasal 17) yang dapat dirakamkan di dalam Perlembagaan Negeri Melaka, Perkara 34 Adat Perpatih Naning, Jadual Kedua. (Mukim-mukim yang diliputi oleh kuasa Dato' Penghulu Naning dan yang lain-lain kawasan telah tertinggal).

(106) Bahawa kemudian daripada itu hinggalah abad ke-15 maka Portugis telah mengambil alih Melaka maka dengan itu pihak Portugis telah mendakwa iaitu Naning juga telah masuk jajahan takluknya. Ini disebabkan orang-orang Naning telah menghantar pasukannya ke Melaka hingga membakar tempatnya di Padang Chachar. Sebenarnya pihak Portugis tidak pun menjejakkan kakinya di Tanah Naning. Maka kemudian apabila Melaka diambil alih oleh Belanda, Belanda pula mendakwa Naning telah masuk jajahan takluknya tetapi semuanya itu dinafikan oleh pihak Naning.

(107) Bahawa kemudian daripada itu apabila pihak East India Company mengambil alih Melaka daripada Belanda. Pihak India Timur pula telah mendakwa iaitu Naning adalah jajahan takluknya. Ini juga telah ditolak oleh Naning bulat-bulat.

(108) Maka daripada terbukanya Luak Naning dan juga Luak Rembau yang kebanyakannya datang melalui Sungai Linggi, tetapi semua hasil barang-barang sama seperti yang terdapat di Naning biji sirih, buah pinang dan sebagainya dibawa turun ke Melaka. Di Melaka cukai dibayar kepada penjajah bertempat di Kempung Hulu sebanyak sepuluh peratus daripada barang-barang yang dijual di situ. Maka ini berterusanlah.

(109) Bahawa kemudian daripada itu maka pada abad ke-16, sembilan buah negeri yang kecil-kecil ini bersekutu menjadi satu dinamakan Negeri Sembilan. Negeri –negerinya ialah:

- i. Segamat.
- ii. Naning.
- iii. Rembau.
- iv. Sungai Ujung.
- v. Johol.
- vi. Jelebu.
- vii. Kelang.
- viii. Jelai.
- ix. Ulu Pahang.

Maka selepas tertubuhnya Negeri Sembilan maka semuanya sembilan buah negeri yang. bercantum itu dikenali “Luak” iaitu Luak Naning, Luak Rembau. Luak Sungai.Ujung, Luak Jelebu dan Luak Johol. Perlu diingat yang menganut Adat Perpatih Nan Sebatang seratus-peratus ialah lima puak sahaja. Segamat tinggal di Johor dan kebanyakan anak buah berpindah ke Naning. Mereka dikenali dengan suku Mungka Segamat. Kebanyakan mereka berada di dalam Mukim Nyalas dan kawasan yang berdekatan. (lihat Jadual Keempat).

(110) Bahawa kemudian daripada itu maka apabila pada bulan Jun 1832, Kubu Taboh pun jatuh ke tangan musuh (East India Company) maka Naning telah masuk ke dalam peta Negeri Melaka dan menjadi jajahan takluk British dan dengan begitu terputuslah Naning dengan saudara-saudaranya yang menganuti Adat Perpatih iaitu Rembau, Johol, Sungai Ujung dan Jelebu.

(111) Bahawa kemudian daripada itu apabila Naning telah jatuh ke tangan penjajah East India Company (British) maka Luak Naning dipecah-pecahkan kepada mukim-mukim sebanyak 14 mukim dan tiap-tiap satu mukim itu dilantik seorang ketua yang digelar Penghulu.

Mukim-mukimnya ialah:

- i. Mukim Kelemak dilantik seorang Penghulu yang bernama Manja.
- ii. Mukim Pegoh dilantik seorang penghulu bernama Mamat.
- iii. Mukim Melekek dilantik seorang penghulu bernama Maulana.
- iv. Mukim Taboh dilantik seorang penghulu bernama Safar.
- v. Mukim Lendu dilantik seorang penghulu bernama Kiman
- vi. Mukim Air Paabas dilantik seorang penghulu bernama Dol.
- vii. Mukim Berisu dilantik seorang penghulu bernama Alauddin.

- viii. Mukim sungai Siput dilantik seorang penghulu bernama Laut.
- ix. Mukim Padang Sebang dilantik seorang penghulu bernama Kacuh.
- x. Mukim Tanjung Rimau dilantik seorang penghulu bernama Lengku.
- xi. Mukim Pulau Sebang dilantik seorang penghulu bernama Talib.
- xii. Mukim Kemuning dilantik seorang penghulu bernama Udin.
- xiii. Mukim Batang Melaka dilantik seorang penghulu bernama Kuchak.
- xiv. Mukim Tebong dilantik seorang penghulu bernama Dol.

“Mukim” itu adalah ciptaan penjajah atas dasar pecah dan perintah. Sekarang Wilayah Adat Perpatih Naning telah menjadi 25 mukim sahaja, (lihat Bab II Fasal 17).

Catatan:

Kebijaksanaan penjajah memberi gelaran penghulu bagi ketua tiap-tiap mukim dengan sendirinya telah menjatuhkan taraf Undang Naning bergelar Orang Kaya Seri Raja Merah, Dato’ Penghulu Naning. Ramainya bilangan penghulu diadakan maka dari semasa ke semasa orang memandang Dato’ Penghulu Naning (Undang Naning) itu sama sahaja tarafnya dengan lain-lain penghulu oleh pihak Dato’- Dato’ Lembaga dan anak-anak buah yang cerdik pandai. Maka Pesaka Undang Naning telah dihapuskannya tetapi bagi pihak adat adalah berjalan terus di bawah kehendak Adat Nan Diadakan yang berbunyi:

Patah tumbuh,
 Hilang berganti,
 Hilang satu,
 Berganti satu,
 Tak boleh dianjak,
 Dialih lagi,
 Sehari tanam,
 Sehari tumbuh,
 Raja mati,
 Raja menanam.

Maka perkhabaran di atas perpecahan ini diketahui oleh Almarhum Dato’ Dol Said (Undang Naning). Maka pergi Dato’ Dol Said ke Melaka dengan tujuan supaya dapat satu perundangan yang teratur, tetapi kedatangan Dato’ Dol Said itu dianggap oleh pihak musuh telah menyerah diri. Maka Dato’ Dol Said tidak dibenarkan batik ke Taboh (Naning) dan campur dalam apa-apa hat bersabit dengan anak-anak buah Naning. Maka

diberinya satu rumah yang bertempat di Melaka dan dinamakan tempat itu Kampung Raja Berang (sebab raja yang berang ditempatkan di situ) dan diberikan penceen sebanyak 100 Rupee sebulan hinggalah Dato' Dol Said kembali ke rahmatullah. Maka perpecahan Luak Naning (Fasal 105) itu tidaklah dapat diubah lagi. Di sini kita sekalian faham dasar penjajah itu ialah pecah dan perintah.

(112) Bahawa kemudian daripada itu maka Negeri Melaka seluruhnya termasuklah Naning, dibelah dan dijadikan tiga daerah iaitu:

- i. Daerah Melaka Tengah (Centre District)
- ii. Daerah Alur Gajah (Alur Gajah District)
- iii. Daerah Jasin (Jasin District).

Maka sebahagian besar Naning masuk dalam Daerah Alur Gajah dan sebahagian lagi masuk dalam Daerah Jasin. Maka pada akhirnya Naning telah menjadi sebanyak 25 mukim iaitu seperti yang dirakamkan dalam Perlembagaan Negeri Melaka, Bahagian IV Adat Perpatih Naning, Perkara 34 dan Jadual Kedua. Mukim-mukim yang diliputi oleh kuasa Dato' Penghulu Naning, ialah:

- i. Ramuan Cina Besar
- ii. Ramuan Cina Kecil
- iii. Sungal Baru Ulu
- iv. Masjid Tanah
- v. Sungal Siput
- vi. Taboh Naning
- vii. Pegoh
- viii. Kelemak
- ix. Pulau Sebang
- x. Tanjung Rimau
- xi. Padang Sebang
- xii. Gadek
- xiii. Melaka Pindah
- xiv. Berisu
- xv. Air Paabas
- xvi. Lendu
- xvii. Sungai Buloh
- xviii. Melekek
- xix. Rumbia
- xx. Sungai Petai
- xxi. Kemuning
- xxii. Tebong

Mukim-mukim ini duduknya dalam Daerah Alor Gajah dan

- xxiii. Batang Melaka
- xxiv. Jus
- xxv. Nyalas

Mukim-mukim ini duduknya dalam Daerah Jasin

- (113) Tiap-tiap mukim itu dilantik seorang ketua yang dipanggil Penghulu dan diberi bayaran sara hidup (ex-graters allowance) bukannya gaji bulanan. Lantikan itu oleh pihak kerajaan serta Undang Naning dan tugas mereka terus kepada Pegawai

Daerah Alor Gajah dan Jasin yang mana berkenaan dan juga terus kepada Undang Naning. Mereka diberi kuasa menjalankan Adat Perpatih Naning di dalam mukim masing-masing. Maka kemudian daripada itu telah pula seorang, yang berpangkat Demang bagi tiap-tiap kawasan 5 orang Penghulu dan mereka ini juga bertanggungjawab terus kepada Pegawai Daerah Alor Gajah dan basin dan juga Undang Naning. Akhirnya semua demang dan Penghulu-penghulu itu dihapuskan. Maka digantikan dengan beberapa orang Penghulu sahaja yang kedudukannya sebagai kakitangan kerajaan (Gourmet Secant). Mereka ini tidak berhak mentadbir Adat Perpatih Naning. Maka dengan itu Balai Undang melantik seorang penghulu adat bagi tiap-dap mukim dengan gelaran Dato' Setia Bakti. Pesaka ini Diadatkan Pesaka Melayang. Tugas mereka ialah bertanggungjawab terus kepada Undang Naning dalam pentadbiran Adat Perpatih Naning Luak (mukim) masing-masing.

- (114) Bahawa pihak Naning telah menjalankan tuntutan kepada pihak kerajaan British tetapi semuanya terhenti begitu sahaja. Pada 14 Ogos, 1954 Dato'- Dato' pembesar Waris Undang Naning dan Dato'- Dato' Lembaga Undang Naning telah mengemukakan tuntutan terhadap pencen Waris Undang Naning dan pencen Lembaga Undang Naning serta seluruh Lembaga Adat Nan Bosokat di dalam Naning kepada pihak kerajaan British (lihat Jadual ke-16).

Tanpa putus asa maka pada tahun 1955 kami telah menemui Pesuruhjaya Tinggi. Pertemuan itu sangat mesra tetapi beliau memberitahu perkara ini tidak dapat dipanjangkan oleh sebab masa sekarang terlalu sibuk dengan persediaan bagi Kemerdekaan Malaya (lihat Artikel 115A, 115C, 115D, 115E & 115F).

- (115) Maka oleh yang demikian Naning sekarang Wilayah Adat Perpatih Naning adalah satu negeri yang merdeka dan berdaulat sehinggalah perang dengan Syarikat India Timur (British). Sejarah tidak seharusnya ditolak. Maka sekalipun terjajah, segala kekuasaan Adat Perpatih Naning sekali-kali tidak dicabuli oleh pihak penjajah dan sara hidup Undang Naning adalah ditanggungnya. Saya telah mendirikan sebuah Balai Undang Naning (yang sekarang) untuk dijadikan kediaman rasmi Undang Naning. Di Bukit Seri Naning, Simpang Empat, Alor Gajah, Melaka.

- (115A) Bahawa tuntutan agar Luak Naning dapat dikembalikan semula menjadi hak milik yang berhak yang telah diterokai oleh nenek moyang kita oleh pihak Syarikat India Timur, (sekarang Kerajaan British). Perkara tuntutan ini dimulai daripada tahun 1953 selepas 2 tahun Undang Naning, Dato' Mohd Shah menjunjung Pesaka Undang Naning dan sesudah bokorjan. Kemudian

diubah cara yang diarahkan atas nama Pembesar Waris Undang Naning dan Lembaga Undang Naning untuk menuntut lagi (lihat P/ "A"(1)). Kemudian saya berjumpa dengan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan dan di dalam perjumpaan itu beliau memberi berbagai-bagai alasan terutama sekali kata "kita akan balik, bukan saja Naning tetapi seluruh Semenanjung Tanah Melayu akan diserahkan semula". Ini sangat mengelirukan sebab hal Naning lain daripada apa yang dimaksudkannya. Perjumpaan itu sangat merunsingkan saya. Oleh kerana kesibukan maka perkara itu dibangkitkan lagi. Ketika itu Tanah Melayu hendak Merdeka dan satu Constitutional Commission ditubuhkan dengan rombongan seramai 12 orang berunding dengan Constitutional Commission di Melaka. (lihat P// "A"(2) (26.3.56) dan P/A 8.8.56 dan P/A (6) 13.8.56).

- (115C) (Lihat P/A (4) pada 17 Julai 1956). Saya telah diberitahu oleh Resident Commissioner, Melaka Mr. H.G. Hammett mengenai petition saya telah dihantar oleh His Excellency the High Commissioner kepada Secretary of State untuk dipersembahkan kepada Her Majesty the Queen.

Begitulah langkah-langkah yang telah dijalankan bagi menuntut tanah air. Naning ini. Bukan sahaja separuh jalan tetapi hingga ke Her Majesty the Queen.

- (115D) Lihat P/A (7) dan P/A(7a) pada 11 Jun 1957. Maka bila-bila masa pun ada sahaja semangat fitnah memfitnah terhadap Naning, (lihat P/A (7a)), tetapi selesai.

- (115E) Lihat P/A(8) pada 22 Mei 1957 memberi saya tahu berhubungan dengan memorandum saya yang saya alamatkan kepada Her Majesty the Queen, sila selidik Para 1); antaranya

".. this memorandum the most careful study".

Para 2: "... is aware of the importance of the Office of the Dato' Naning and recognizes that the past history of the territory of Nanings very relevant to its future". Para 3 pula "... that the Dato' Naning should continue to enjoy in the independent Federation of Malaya the status which is his at present and that the existence and past history of the territory of Naning should not be forgotten". Para 4 pula "... the future of the territory of Naning and of the Office of Dato' Naning will be fully safe guarded...".

Maka.keputusannya Perlembagaan Negeri Melaka diadakan.

- (115F) Lihat P/A(9) pada 26 Jun, 1957 jawapan kepada surat saya bertarikh Mei 1957 katanya Para 1: "...by command of her Majesty the Queen, given your further representations the most careful study...". dan Para 2 "... thereby improving the position and status of the Dato' Naning in his Office will secure a recognizes in the written Constitution of the State of Malacca ...". Begitu lah semuanya yang saya selenggarakan sehinggalah Perlembagaan Negeri Melaka mengenai Naning dapat diwujudkan. Kaedahnya untuk mendapatkan mengikut saluran (Undang-undang hingga kepada Her Majesty the Queen dengan

harapan semua seluruh pihak Dato'- Dato' Lembaga Nan Bosokat, Lembaga Undang Naning, Pembesar Waris Undang Naning dan Anak Buah Seluruh Naning dapat berdiri teguh untuk mempertahankan Perlembagaan Naning itu, yang dirakamkan di dalam Perlembagaan, Persekutuan dan juga di dalam Perlembagaan Negeri Melaka Artikel 34 dan Jadual yang Kedua.

(116) Bahawa kemudian daripada itu Dato'- Dato' Lembaga Nan Bosokat sekalian, kita semua tahulah adanya kedudukan tanah air hak kita sekalian yang diterokai oleh nenek moyang itu duduknya di sebelah daratan (hulu). Tidak ada di sebelah lautan, ini semua berasaskan pada keputusan yang dibuat di antara dua beradik iaitu Dato' Ketemengging dengan Dato' Perpatih Nan Sebatang iaitu:

- i. Dari laut hingga ke paras sampainya air pasang terpulanglah kepada Dato' Ketemengging
- ii. Bahagian Dato' Perpatih Nan Sebatang daripada air pasang sampailah ke daratan (Hulu) (sila lihat Fasal 84 dan Fasal 86)

yang ada hak. Begitulah yang dijalankan oleh Balai Undang Naning pada zaman penjajahan dahulu mengikut kehendak Chapter 125 Malacca Lands Customary Rights Sec: 5 (ini juga artikel yang menjaga kedudukan tanah Adat). Harta Pesaka suku tidak tergugat kedudukannya. Begitulah antara lain mengenai harta Pesaka waris di dalam wilayah Adat Perpatih Naning.

(318) Bahawa kemudian daripada itu kita difahamkan iaitu segala tanah-tanah Pesaka suku (tanah Adat) di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning dijamin dan tidak disentuh sama ada oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Perlembagaan Negeri Melaka juga oleh Undang-undang Tanah menurut kehendak-kehendak seperti berikut:

- i. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
 - Article 160 (2).

Pengertiannya ialah "undang-undang" termasuklah undang-undang negeri, undang-undang yang disebut common law sebanyak mana bahagiannya dan apa-apa jua adat Resam yang mempunyai kuasa undang-undang di negeri Persekutuan atau mana bahagiannya.

Maka menurut kehendak pengertiannya "undang-undang di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu di atas sama dengan pengertian Adat Perpatih Naning iaitu Undang-undang Pentadbiran Wilayah Adat Perpatih Naning. Ini sudah berjalan daripada zaman purba, dalam masa Naning merdeka dan berdaulat hinggalah ditakluki oleh East India Company pada bulan Jun 1931 Maka zaman penjajah dahulu pun hak Adat Naning itu dijamin dengan teguhnyanya. Maka dalam perkara mentadbir, kita semua tahu iaitu ahli-ahli yang diberi kuasa mentadbir ialah:

- a) Dato' Orang Kaya Seri Raja Merah, Dato' Penghulu Naning (Undang Naning). yang mempunyai kuasa pemutus sepanjang adat nan diadatkan".

"Undang berkelantasan, hidup mati kepada undang, undang menitikkan".

Inilah nan diadatkan "kata kemudian nan tak mencari" iaitu kata pemutus.

- b) Dato'- Dato' Lembaga Nan Bosokat iaitu mengandungi:

- Lembaga Undang Naning. - (tujuh orang).
- Penghulu Adat Luak yang bergelar Dato' Setia Bakti [25 orang, seorang bagi satu luak (mukim)].
- Lembaga yang berpangkat Tua dan Ibu Bapak (dua orang bagi tiap-tiap satu suku seluruh wilayah Adat Perpatih Naning dengan bilangan 215 orang).

Maka kuasa Dato'- Dato' ini diadatkan ada sekatannya dengan mengikut tompok, jenjang, umpuk perkara nan tumbuh itu dan menurut kehendak adat "adat nan berjenjang naik, nan bertanggung turun" iaitu menerusi jalan yang wajib sebagaimana diadatkan, "kunci anak buah kepada Ibu Bapak, kunci Ibu Bapak kepada Tua, kunci Tua kepada Penghulu (Penghulu Adat Luak (mukim)), Kunci Penghulu Kepada Undang (Orang Kaya Seri Raja Merah Dato' Penghulu Naning), Kunci Undang Naning kepada Keadilan". (Pengertiannya kunci ialah taat setia kepada ...). Oleh itu tidaklah keraguan mana-mana pihak mengakui Adat Perpatih Naning itu ialah "undang-undang pentadbiran". Dato'- Dato' Lembaga Nan Bosokat sekalian khasnya dan anak-anak buah wilayah Adat Perpatih amnya setelah fahamkan isi kandungan Tambo Alam Naning daripada Bab (I) hingga ke Bab (XX) ini memadailah. Maka kemudian daripada itu, menurut kehendak Adat Nan Diadatkan yang berbunyi:

"Bobapak kepada Undang, Boomak kepada waris" maka diadatkan adanya pembesar waris Undang Naning yang bergelar:

- i. Dato' Paduka Seri Maharaja.
- ii. Dato' Paduka Seri Lela Maharaja.
- iii. Dato' Paduka Seri Menteri Penghulu.
- iv. Dato' Paduka Seri Syahbandar.

Maka kedudukan pembesar waris Undang Naning itu tidak bertanggungjawab mentadbirkan melainkan menjadi tempat segala Lembaga Nan Bosokat bermanja dan untuk mendapatkan segala nasihat.

- c) Article 90

- i. Tidaklah ada apa-apa syarat dalam Perlembagaan ini yang akan menyentuh sah tidaknya apa-apa jua sekatan yang dikenakan dalam undang-undang berkenaan berkenaan dengan tukar nama atau

memajukan tanah Pesaka Negeri Sembilan atau Melaka atau mengenai apa-apa juga hak milik dalam tanah itu.

Maka kedua-dua Artikel 160 (2) dan 90 (i) dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu Supreme iaitu undang-undang yang tertinggi sekali di mana menjamin kedudukan harta Pesaka suku (tanah Adat) tidak harusnya disentuh oleh Pihak Pejabat Tanah, melainkan cuma Article 97 di dalam Kanun Tanah Negara (National Land Code) (Pinang and Malacca Tittles) Act. 1963); ialah bersabit dengan perkara di Balai Undang Naning memajukan kepada pemungut hasil tanah, Daerah Jasin atau Daerah Alur Gajah (biasanya) untuk mendapatkan catatan harta Pesaka suku di dalam daftar dan geran tanah-tanah yang tidak ada catatannya menunjukkan tanah-tanah itu hak milik suku berkenaan.

ii. Di dalam Perlembagaan Negeri Melaka.

- Bahagian iv-Adat Perpatih Naning Article 94.
- Jadual Kedua-mukim-mukim yang diliputi oleh kuasa Dato' Penghulu Naning. (Jumlah semuanya 25 mukim iaitu 22 mukim di dalam Daerah Alur Gajah dan tiga mukim di dalam Daerah Jasin).

Perlembagaan Supreme iaitu yang tertinggi dalam undang-undang maka kita difahamkan tidak ada sebarang jalan harus ada sentuh-menyentuh oleh Pejabat Tanah dalam perkara harta Pesaka suku (tanah Adat).

iii. Chapter 125 Malacca Lands Customary Rights. Article 5.

Naning Tenure Not Nothing in this ordinance shall Effected be deemed to affect the custom called the Naning custom or any other recognized customary tenure.

Chapter 125 ini berjalan kuat kuasanya dalam masa penjajahan, saya sendiri telah menjalankan dari tahun 1951 hinggalah 1 Januari 1966 (National Land Code (Pinang and Malacca Titles)) Act: 1963 berjalan kuat kuasanya. Menurut L.N. 475/65 dan dalam masa negara kita telah merdeka, ketika itu saya menjadi Undang Naningnya berjalan baik tetapi dalam tahun tujuh puluhan telah timbul percanggahan yang dilakukan oleh pegawai yang diberi tugas oleh pemungut hasil tanah merangkap pemungut hasil tanah daerah, sekalipun perkara-perkara yang telah lalu ada terbentang di hadapannya.

iv. National Land Code (Pinang And Malacca Titles) Act: 1963.

Article 2(2).

Application Nothing in this Act shall be deemed to affect ... nor shall any thing herein (other than section 97) be deemed to affect the custom

called the Naning custom. (sila lihat Fasal 306 yang telah lalu berkenaan section 97 itu).

Maka Article ini juga menjamin kedudukan tanahPesaka suku (tanah Adat) itu tidak seharusnya disentuh oleh mana-mana pihak.

Maka demikianlah menjadi teraju pentadbiran Adat Perpatih Naning yang berbunyi, "Seperti tali yang belumba tiga seperti tungku tiga sejarangan" iaitu pertama, taat kepada undang-undang negara; kedua, taat kepada hukum syarak; dan ketiga taat kepada Adat Perpatih Naning. "Nan tak lekang dek panas, nan tak lapuk dek hujan, nan tak manis dek gula, nan tak lemak dek santan, Adat nan bersendi syarak, syarak nan bersendi kitab Allah, yang sesak di hujung jalan balik ke pangkal jalan dan yang sesak di hujung kata batik ka pangkal kata, Biar mati anak jangan mati adat".

- (319) Bahawa kemudian daripada itu mengenai Bab Yo Fasal Adat berkata Fasal 35 di sini dijelaskan lagi untuk menjauhkan sebarang kekeliruan bagi Lembaga Nan Bosokat sekalian, iaitu rangkapan kata (kuasa) adat yang berbunyi:

"Patah tumbuh, hilang berganti,
Hilang satu, berganti satu,
Tak boleh dianjak dialih lagi,
Dianjak berpantang layu,
Dicabut berpantang mati,
Raja mati, raja menanam,
Sehari tanam, sehari tumbuh".

Ini adalah Diadatkan mengenai:

- i. "Patah tumbuh, hilang berganti, hilang satu berganti satu" menentukan Undang Naning itu tetaplah ada lepas seorang diganti seorang lain selepas mangkatnya Undang itu.
- ii. "Tak boleh dianjak dialih lagi, dianjak berpantang layu, dicabut berpantang mati" menentukan bagi (i) di atas tidaklah boleh diubah suai lagi.
- iii. "Raja mati, raja menanam, sehari tanam, sehari tumbuh" ini menentukan:
 - i. Sebelum dikebumikan diadatkan (hendaklah) dilantik gantinya terlebih dahulu.
 - ii. Waktu jenazahnya dimasukkan ke teraju (lahat) Undang Naning yang telah dilantik itu diadatkan masuk ke dalam teraju dan memakamkannya. Inilah yang dimaksudkan "raja mati, raja menanam; sehari tanam, sehari tumbuh" diadatkan Undang itu tidak putus-putusnya.

- iv. Maka di dalam lengkungan masa 120 hari selambat-lambatnya 360 hari daripada hari dimakamkan itu dikecualikan ada sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Penggantinya itu diadatkan menduduki istiadat bokorjan (istiadat berkerajaan) dan apabila selesai istiadat itu maka tetaplah menjunjung Pesaka Kebesaran Orang Kaya Seri Raja Merah, Dato' Penghulu Naning dan Undang Naning dengan mempunyai penuh hak di dalam wilayah Adat Perpatih Naning.

JADUAL KELIMA BELAS BAB VI FASAL 110

192

... appointed to this office, went to the village of Parrit Melahna In the British territory, distant about 14 miles from Malacca, for the purpose of levying this tax, or fine, on the inhabitants. The head man, or petty Panghooloo, of the village asked and obtained permission to consult his. Panghooloo lochi Kachu. This last individual had been ever a warm-adherent of the rebellious chief, and had partaken of the feast over the guns. The Naning party agreed therefore to wait until he was summoned from his village, which was close at hand. As soon, however, as Inchi Kachu heard the nature of the errand. he altered his politics, being determined not to submit to this arbitrary exaction. He accordingly proceeded with some armed followers to Parrit Melahna, and after some resistance, succeeded in capturing seven of the party. The eight, after being severely wounded, made his escape. The prisoners were brought to Malacca, and lodged in the jail. Only four of them were chiefs, or persons of consequence, whose names are given below.

First, Akhir Zammar,	Head Panglimah, and related to the Sookoo, Rajah Nung Kayah.
Second, Hadji Kadir	Son in law of Sookoo Membangin, the chief whose house was the first fired.
Third, Panghooloo	He acted High Sheriff, and Besar executed the orders of government in levying fines, seeing executions, Sec. carried into effect.

Cabutan daripada THE MALAYAN PENINSULA BY P.J. BEGBIE.

Fourth, Panglimah	A great warrior, and brother Arripofthe Panglimah Dato, who was killed at Kalama, Aug. 7. 1831
-------------------	--

JADUAL KEENAM BELAS

After the opening of His Majesty's Court of Judicature, these men were transported to Bombay

The duty still continued harassing in the extreme to the troops, us, whilst some of the principal guards in Malacca were indispensably strengthened, it was a matter of equal necessity to maintain a chain of piquet's to the northward of the town. Six, out of seven, convicts, who had escaped from the camp, and fallen into the hands of the-enemy, were sacrificed over the grave of the Panglimah Dattoo. The seventh was retained to read the Koran to the Pangnooloo, but subsequently put the death for attempting the life of that chief.

Meanwhile, the British government was exerting itself to break the existing league in the interior, and to put matters in such a train that the next expedition might have a fairer chance of success. Negotiations with Rainbow were consequently set on foot, and the Chiefs of Rainbow agreed to meet the British authorities at Simpang. Accordingly, on the 18th January 1832, R. Ibbotson, Esq. the Honorable the Governor T.W.. Lewis, Esq. Deputy Resident. J.B. Westerhout, Esq. and Captain Hingham, commanding.

JADUAL KETUJUH BELAS


Bab Vi Fasal 101 dan 102, Bab IX Fasal 145 dan 147. Bab IX Fasal 159 dan 160.

Bahawa diadatkan bagi Yang Amat Mulia Dato' Orang Kaya Seri Raja Merah Dato' Penghulu Naning (Undang Naning) bagi melantik:

1. Empat orang Pembesar Waris Undang Naning Bab VI Fasal 101.
2. Tujuh orang Lembaga Nan Bosokat yang berpangkat Lembaga Undang Naning iaitu:
 - Empat orang berpangkat Tiang Balai Undang Naning.
 - Tiga orang berpangkat Isi Balai Undang Naning Bab VI Fasal 102, Bab IX Fasal 145 dan 147.
3. Dua puluh lima orang Lembaga Nan Bosokat yang berpangkat Penghulu Adat Luak (mukim); seorang bagi tiap-tiap satu luak (mukim) Nan dua puluh Lima yang bergelar Datuk Setia Bakti - Bab IX Fasal 159 dan 160.

JADUAL KEDUA PULUH

{Julat Keturunan Undang Naning"



INGATAN:-

1. Di dalam Rejeh Keturunan ini banyak lagi adik beradik perempuan juga yang laki-laki tiada dimasukkan; Rejeh ini untuk menunjukkan Perut-perut dan Anak laki-laki yang telah menjunjung Poeko Undang Naning.
2. Maka semua perkembangan di dalam Tiga Perut ini adalah di pegang dan diurus oleh Dato' Paduka Seri Lelo Maharaja - Perut Nombor Satu, Dato' Paduka Seri Menteri Penghulu - Perut Nombor Dua, Dato' Paduka Seri Maharaja - Perut Nombor Tiga (Pembesar Waris Undang Naning.)
3. Daftar Undang Naning diberikan untuk rujukan.

JADUAL KEDUA PULUH TIGA

Bab XX Fasal 308, 309, 310

1. Bahawa menurut kehendak “putu bolah - suarang beragih” di dalam Fasal 310 diadatkan menurut kehendak Ayat 229 Surah al-Baqarah yang bermaksud ‘Dan tidak halal kamu mengambil (kembali) satu daripada (pemberian) yang kamu telah berikan kepada mereka Itu”.
2. Bahawa manakala tumbuhnya kepada Fasal 308 dan 309 maka kita faham “putu bolah - suarang beragih’ digantikan dengan kehendak Cari Bagi”. Maka di dalam perkara ini Dato’ Lembaga Nan Bosokat sekalian hendaklah cermat menjalankan “cart bati” itu, iaitu segala barang-barang yang telah jatuh sepanjang kehendak Ayat 229 Surah al-Baqarah, tidak boleh dimasukkan perkiraannya bersama dengan lain-lain harta benda yang dibahagikan itu, maksudnya ialah segala harta-harta selain itu (yang masuk kehendak Ayat 229 Al-Baqarah) saja yang dikira dan dibahagikan.

JADUAL KEDUA PULUH TIGA

Perang Naning Berakhir

Pada had ini dalam tahun 1932, peperangan antara pihak Kerajaan Inggeris di Melaka dengan Naning yang lebih dikenali sebagai Perang Naning, berakhir¹ peperangan ini dikatakan berpunca daripada keengganan orang-orang Melayu Naning membayar 1/10 daripada hasil pendapatan mereka kepada pihak berkuasa Kerajaan Inggeris di Melaka.² Orang-orang Melayu Naning diketuai oleh Penghulunya, Dato’ Naning Abdul Said atau Dol Said. Setelah beberapa kali gagal memujuk Dato’ Naning supaya membayar ufti 1/10, pada bulan Julai 1831, satu pasukan seramai 150 orang askar Sepoi dengan dua buah meriam telah dihantar oleh kerajaan Inggeris ke Naning untuk menghancurkan pasukan Dato’ Naning dan orang-orangnya. Askar-askar ini telah ditentang dan dikalahkan oleh orang-orang Dato’ Naning dengan bantuan daripada orang-orang Rembau yang diketuai oleh Syed Shaaban menantu Raja Ali.³ Serangan ini merupakan serangan yang pertama.

Inggeris sedar. Bahawa kekuatan Naning dan Rembau tidak mudah dikalahkan. Oleh itu dari bulan September, 1831 hingga Januari 1832 beberapa

¹ Abas bin Hj. Ali 1953. Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya. Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat Istiadat Melayu Rembau. hlm. Xvii.

² Punca sebenar peperangan ini ialah disebabkan oleh kejahilan dan kesilapan Gabenor Fullerton dan Lewis. Penguasa Tanah di Melaka tentang taraf Naning dan bentuk cukai yang sebenarnya wujud pada ketika itu. Fullerton bertegas bahawa melalui Perjanjian 1801 di antara Dato’ Naning Dol Said dengan Kol. Tyler (Residen British di Melaka) dan Perjanjian 1807, di antara Dato’ Naning dengan Farquhar (Residen British di Melaka selepas Tyler) menunjukkan bahawa Naning tertakluk penuh kepada kedaulatan British dan Syarikat India Timur Inggeris berhak penuh memungut cukai pertanian 1 / 10 dari seluruh hasil pendapatan.

³ Syed Shaaban membantu Dol Said kerana menyangkakan bahawa pasukan British itu dihantar untuk menyerang Rembau Juga bagi kepentingan Yamtuan Sati ... (musuhnya); dan mungkin kerana tidak mahu kuasa Dol Said akan bertambah besar. beliau berpaling tadah kepada Inggeris sebaik-baik sahaja serangan Inggeris itu dapat dipatahkan. Selepas itu beliau bersahabat dengan Inggeris R.J. Wilkinson (ed) 1971. Paperson Malay Subjects. Kuala Lumpur Oxford University Press, hlm 302 - 3).

siri rundingan di antara Raja Ali dari Rembau dan pihak kerajaan Inggeris di Melaka telah diadakan dan akhirnya pada 28 Januari 1832 satu perjanjian telah dipersetujui dan ditandatangani.¹ Mengikut perjanjian tersebut, kedua-dua pihak bersetuju tidak akan menyerang di antara satu sama lain dan Rembau diiktiraf sebagai sebuah negeri yang berdaulat dan mempunyai kuasa penuh dalam pentadbiran kerajaannya. Sebagai ganjaran, Raja Ali menarik balik pasukannya daripada Naning dan mengurangkan kekuatannya kepada kira-kira 600 orang dan beberapa bulan kemudian bergabung dengan pasukan Inggeris.²

Pada bulan April 1832 pasukan Rembau yang diketuai oleh Syed Shaaban dan askar-askar Inggeris berjumlah kira-kira 1 200 hingga 1 400 orang yang diketuai oleh Kolonel Herbert menyerang Naning bagi kali yang kedua. Dalam serangan kali kedua ini, dan setelah berlaku beberapa pertempuran selama lebih kurang dua bulan, Taboh, ibu negeri dan pusat gerakan Dato' Dol Said dapat ditawan dan Dato' Dol Said serta pengikut-pengikutnya berundur.³

Setelah berjaya Kerajaan Inggeris tidak berniat untuk mentadbir Naning oleh sebab hasil mahsul-mahsulnya tidak akan dapat menampung perbelanjaan pentadbirannya. Raja Ali pula menolak tawaran supaya Naning dimasukkan ke dalam wilayah Rembau. Oleh itu Naning dimasukkan ke dalam pentadbiran wilayah Melaka. Jawatan Penghulu dan suku dihapuskan dan seorang 'Superintendent' yang berketurunan Belanda dan 15 orang ketua kampung dilantik bagi memungut cukai dan menjalankan undang-undang dan mengawal ketenteraman di daerah masing-masing.⁴

JADUAL KEDUA PULUH EMPAT

Salasilah "Bukit Bisu" Kemudian dinamakan Bukit Penyalang.

1. Bahawa salasilah "Bukit Bisu" kemudian dikenali sebagai "Bukit Penyalang" ialah satu Bukit yang terletak di dalam kawasan Kampung Taboh iaitu lebih kurang 20 batu jauhnya ke utara Bandar Melaka. Pada masa sekarang ini senang untuk dilawati kerana kedudukannya berhadapan dengan Masjid Taboh km. 32 (Jalan Melaka ke Kendung).
2. Bahawa bukit ini merupakan salah satu daripada tempat-tempat yang bersejarah sejak dari zaman penerokaan Negeri Naning (sekarang wilayah Adat Perpatih Naning) iaitu di antaranya Kampung Pangkalan, Kampung Ikan Lemak (sekarang Kampung Kelemak), Kampung Paya Dato', Bukit Serusok, Bukit Tempunek, Bukit Bisu yang dikenali dengan Bukit Penyalang, Perigi Gaung, Bukit Gelang Tiga Sejajar, Taboh (Godok) dan sempadan Kampung Taboh iaitu ibu Negeri Naning seperti yang berikut:

¹ Untuk mengetahui kandungan sepenuhnya Perjanjian ini, Lilt Arkib Negara Malaysia 1981. Hari Ini Dalam Sejarah, Jilid 1. Kuala Lumpur Arkib Negara Malaysia. him. 83 - 5.

² L.A. Mills, op.cit,hlm.126.

³ Dato' Dol Said kemudiannya. dengan kehendaknya sendiri telah menyerah diri. Beliau diberi sebuah rumah dan kebun, dan pencen sebanyak Rm. 100 sebulan. Masih di hormati oleh orang-orang Melayu. beliau kemudiannya menjadi bomoh, pekebun dan pedagang. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1849. Dalam peperangan ini Inggeris mengalami kerugian L100.000. (L.A. Mills. op. cit him. 128)

⁴ L.A. Mills, Op. cit him. 127 - 8. Nama 'Superintendent' ini ialah Westerhout Jugs dikenali sebagai Tuan Barchi oleh orang-orang Melaka iaitu dipelatkan daripada nama Kristiannya. Bartholomeus atau Bartje (Abas bin H).All. op. cit)

- Ke hulu Pokok Ipoh Buso (Bisa).
 - Ke darat Bukit Bisu (Bukit Penyalang).
 - Ke baruh Pulau Gelang Tiga Sejajar.
3. Maka memandangkan keadaan yang berjalan dari semasa ke semasa sehinggalah ke akhir-akhir ini, maka nampaknya bukit yang bersejarah ini kurang dikenali oleh generasi masa kini yang mana bukit ini dari zaman purba telah diadatkan menjadi tapak bagi Istiadat bekerja Undang Naning pada Bab yang pertama dijalankan di situ untuk istiadat munajat bagi Undang yang itu sebelum menjalankan Istiadat bersiram di Perigi Gaung.
 4. Maka Bukit Bisu ini bertukar kepada nama Bukit Penyalang disebabkan, di atas bukit itu telah dijalankan hukuman bunuh sampai mati kepada pesalah-pesalah bagi kesalahannya masing-masing. Maka pembunuhan ini dilakukan dengan disalang baginya dengan Keris Penyalang.

Pengertian Salang ialah menggunakan sebilah keris panjang yang digunakan khas untuk menjalankan pembunuhan itu dengan menikamkan hujung keris penyalang itu di atas bahu sebelah kanan diteruskan melintang ke sebelah kiri supaya tembus di bahagian rusuk sebelah kirinya.

5. Maka manakala Naning kalah perang dengan East India Company pada bulan Jun 1832, maka kuasa Naning terhadap menjatuhkan hukuman yang seharusnya di atas kesalahan harus dibunuh, telah dirampas kuasanya oleh pihak musuh, bukan itu sahaja tetapi semua kesalahan "criminal" juga terputus kuasanya daripada Naning dikecualikan segala yang lain-lain sepanjang Adat Nan Diadatkan tidaklah diganggu oleh penjajah sehinggalah Hari Kemerdekaan Tanah Melayu termasuk Naning (Wilayah Adat Perpatih Naning). Maka bukit ini selama-lamanya tidaklah dibenarkan untuk dimiliki kepada sesiapa pun sebagai pemilik. Luasnya Bukit ini cuma lebih kurang 20 ekar. Maka persetujuan penjajah telah menerima tuntutan daripada pihak Undang Naning, maka Tanah Bukit Ini telah didaftarkan menjadi "Village Timber Reserve" bermakna tidak boleh sesiapa juga pun memohon kepada Kerajaan untuk menjadikan hak milik mereka masing-masing. Jadi segala istiadat berhubung dengan Berkerajaan Undang Naning itu tiada cacat celanya pada masa penjajah dahulu.
6. Bahawa memandangkan begitu mustahaknya untuk kita di wilayah 'Adat Perpatih Naning ini, maka seharusnya kita mempertahankan Bab sejarahnya, maka tanah bukit ini tidak seharusnya pihak yang berkuasa Kerajaan Negeri Melaka mengeluarkannya kepada sesiapa secara perseorangan sebagai pemilik, sebab ini bermakna menjejaskan kedudukan sejarah bukit ini.

JADUAL KEDUA PULUH LIMA

Surat-surat Tuntutan Naning Kepada H.M. Queen.

- (115A) Bahawa di sini saya mengambil bahagian untuk kita menuntut Luak Naning dapat dipulihkan semula menjadi hak milik kita yang berhak kepada tanah air yang diteroka oleh nenek moyang kita dan telah dijajah oleh pihak East India Kompeni, sekarang Kerajaan British. Perkara tuntutan ini saya mulai jalankan daripada tahun 19532 tahun saya menjunjung Pesaka Undang Naning ini dan sesudah Berkerajaan. Kemudian saya mengubah cara yang diarahkan di atas nama pembesar waris Undang Naning dan Lembaga Undang Naning menuntut lagi; sila lihat P/A”(1) Kemudian saya berjumpa dengan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan dan di dalam perjumpaan itu beliau memberi berbagai-bagai alasan terutama sekali merumuskan dengan katanya “Kita akan batik, bukan saja Naning tetapi seluruh Semenanjung Tanah Melayu akan diserahkan semula”. Ini sangat mengelirukan sebab hal Naning adalah lain daripada yang dimaksudkannya, perjumpaan itu sangat merunsingkan saya. Oleh kerana dengan kesibukan maka perkara itu dibangkitkan lagi. Maka menjelang kesibukan hendak merdeka satu Constitutional Commission ditubuhkan. Maka saya berhubung, sila lihat P/A:(2). (26.3.56) dan P/A(5) 8.8.56 dan P/A (6) 13.8.56. Saya dengan rombongan seramai 12orang berunding dengan Constitutional' Commission di Melaka
- (115B) Sila lihat P/A (3) pada 12 Julai 1956 bersabitan dengan Petition saya pada 14 April 1956. Sila lihat para 2 perkara itu akan dikemukakan kepada Secretary of the Constitutional Commission.
- (115C) Sila-lihat P/A (4) pada 17 Julai.1956, saya diberitahu oleh Resident Commissioner, Melaka Mr. H.G. Hammett mengenal petition saya telah dihantarnya oleh His Excellency the High Commissioner kepada Secretary of State untuk dipersembahkan kepada Her Majesty the Queen. Begitulah langkah-langkah yang telah saya jalankan bagi menuntut tanah air Naning ini. Bukan saja sekerat jalan tetapi hingga ke kemuncak iaitu Her Majesty the Queen.
- (115D) Sila lihat P/A (7) dan P/A (7a) pada 11 Jun1957. Maka bila-bila masa pun ada saja semangat fitnah memfitnah terhadap Naning, sila lihat P/A (7a) , tetapi selesai.
- (115E) Sila lihat P/A (8) pada 22 Mei 1957 memberi saya tahu berhubungan dengan Memorandum saya yang saya alamatkan kepada Her Majesty the Queen, silalah selidik Para 1, di antaranya “... this memorandum the most careful study”. Para2 pula “... is aware of the importance of the Office of the Dato' Naning and recognizes that the past history of the territory of Naning is very relevant to its future. Maka para tiganya pula “... that the Dato' Naning should continue to enjoy in the independent Federation of Malaya the status which is his at present and that the existence and past history of the territory of Naning should not be forgotten”. Kenapa kita sendiri orang Melayu yang tertentu cuba menghapuskan semua ini? Para empatnya pula “... the future of the

territory of Naning and of the Office of Dato' Naning will be fully safe guarded... "Maka keputusannya Perlembagaan Negeri Melaka diadakan.

- (115F) Sila lihat P/A (9) pada 26 Jun 1957 jawapan kepada surat saya 25 Mei 1957 katanya Para 1 " ... by command of Her Majesty the Queen, given your further representations the most careful study ..." dan para duanya berkata "... thereby improving the position and status of the Dato' Naning in his Office will secure a recognition in the written constitution of the State of Malacca, ..." Begitulah semuanya yang saya selenggarakan sehinggalah Perlembagaan Negeri Melaka mengenai Naning dapat diwujudkan. Janganlah hendaknya ada pihak-pihak memikirkan Perlembagaan itu datang dengan sendirinya, begitulah susahnyanya untuk mendapatkan mengikut saluran undang-undang hingga kepada Her Majesty the Queen dengan harapan saya semoga pihak seluruh Dato'- Dato' Lembaga Nan Bosokat, Lembaga (Undang Naning, Pembesar Waris Undang Naning dan anak buah seluruh Naning dapat berdiri teguh untuk mempertahankan Perlembagaan Naning itu, yang dirakamkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga di dalam Perlembagaan Negeri Melaka Artikel 34 dan JADUAL KEDUA.

JADUAL KEDUA PULUH TUJUH

Bahawa dengan ini Dato'- Dato' Lembaga Adat Nan Bosokat khasnya dan anak-anak buah seluruh Wilayah Naning amnya, maka dengan adanya Tambo Alam Naning ini yang telah diterbitkan dengan selamatnya, dengan kerjasama pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, maka oleh itu mengikut kehendak adat nan diadatkan yang berbunyi "kok bojalan, bopogontian, Yo kok kau kata bokosudahan". Semuanya risalah-risalah dan buku-buku yang telah dikeluarkan oleh Balai Undang Naning mengenai perkara Adat Perpatih Naning yang berdasarkan Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang yang berjalan kuatkuasanya di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning dibatalkan di bawah Bab Yo Fasal nan ditumbuhkan di dalam buku ini. Maka digantikanlah dengan apa yang dicetak baginya di dalam buku ini.

Maka begitu juga menurut kehendak adat nadi adatkan yang berbunyi:

"Botompok bak kurap,
Berjunjung bak sawah,
Boumpok masing-masing,
Umpok kita dipoumpok,
Umpok orang jangan dipoumpok;
Ganteng orang dipatah,
Air orang diasok,.
Adat benar orang diduduki,
Jangan membawa cupak-gantang kita,
Ke negeri orang lain.

Maka segala isi kandungannya dalam Tambo Alam Naning iai diadatkan menjadi hak mutlak kepada Wilayah Adat Perpatih Naning yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Melaka di bawah peruntukan-

peruntukan Perkara 34 di dalam Bahagian IV, Adat Perpatih Naning dan Jadual Kedua – Mukim-mukim yang diliputi oleh kuasa Dato' Penghulu Naning.

Amin Yarabul'alam.

“BIAR MATI ANAK - JANGAN MATI ADAT”

LAMPIRAN

SALINAN SURAT-SURAT
BERKAITAN PERTELINGKAHAN
“ADAT BUKAN UNDANG-UNDANG”
DAN
TUNTUTAN KE ATAS KERAJAAN
SEMENJAK
ZAMAN BRITISH HINGGA KINI

115A, Bahawa di sini saya mengambil bahagian untuk kita menuntut Luak Naning dapat dipulihkan semula menjadi Hak Milik kita yang berhak kepada tanah air yang diteroka oleh nenek moyang kita dan telah dijajah oleh pihak East India Kompeni, sekarang kerajaan British. Perkara tuntutan ini saya mulai jalankan daripada tahun 1953 selepas 2 tahun saya menjunjung Pusaka Undang Naning dan sesudah Bekorjan. Kemudian saya mengubah cara yang diarahkan di atas nama pembesar Waris Undang Naning dan Lembaga Undang Naning menuntut lagi Sila lihat P/ "A" (1). Kemudian saya berjumpa dengan Pesuruh Jaya Tinggi Persekutuan dan di dalam perjumpaan itu beliau memberi pelbagai alasan terutama sekali merumuskan dengan katanya "Kita akan balik, bukan saja Naning tapi seluruh semenanjung Tanah Melayu akan diserahkan semula". Ini sangat mengelirukan sebab hal Naning adalah lain daripada yang dimaksudkannya, perjumpaan itu sangat merunsingkan saya. Oleh sebab dengan kesibukan maka perkara itu dibangkitkan lagi. Maka menjelang kesibukan hendak Merdeka satu Constitutional Commission ditubuhkan. Maka saya berhubung, sila lihat P/ "A" (2). (26.356) dan P/ "A" (5) 8.8.56 dan P/ "A" (6) 13.8.56. Saya dengan rombongan seramai 12 orang berunding dengan Constitutional Commission di Melaka.

115B, Sila Lihat P/ "A" (3) pada 12.7.1956 bersabit dengan Petition saya pada 14 April, 1956. Sila Lihat para 2 perkara itu akan dikemukakan kepada Secretary of the Constitutional Commission.

115C, Sila Lihat P/A (4) pada 17 Julai 1956, saya diberitahu oleh Resident, Melaka Mr. H.C. Hammett mengenai petition saya telah dihantarnya oleh His Excellency the High Commissioner kepada Secretary of State untuk dipersembahkan kepada Her Majesty the Queen. Begitulah langkah-langkah yang telah saya jalan bagi menuntut tanah air Naning ini. Bukan saja sekerat jalan tetapi hingga ke kemuncak iaitu Her Majesty the Queen.

115D, Sila Lihat P/A (7) dan P/A (7a) pada 11 June 1957. Maka bila-bila masa pun ada saja semangat fitnah-memfitnah terhadap Naning, sila lihat P/A (7a), tetapi selesai.

115E, Sila lihat P/A (8) pada 22 May, 1957 memberitahu saya berhubung dengan Memorandum saya yang saya alamatkan kepada Her Majesty the Queen, silalah selidik Para 1, di antaranya "... this memorandum the most careful study". Para 2 pula "... is aware of the importance of the Office of the Dato' Naning and recognizes that the past history of the territory of Naning is very relevant to its future. Maka para tiganya pula "... that the Dato' Naning should continue to enjoy in the independent Federation of Malaya the status which is his at present and that the existence and past history of the territory of Naning should not be forgotten". Kenapa kita sendiri orang Melayu yang tertentu cuba menghapuskan semua ini? Para empatnya pula "... the future of the territory of Naning and of the Office of Dato' Naning will be fully safe guarded..." Maka keputusannya Perlembagaan Negeri Melaka diadakan.

115F, Sila lihat P/A (9) pada 26 Jun 1957 jawapan kepada surat saya 25 Mei 1957 katanya Para 1 "... by command of Her Majesty the Queen, given your further representations the most careful study ..." dan para duanya berkata "... thereby improving the position and status of the Dato' Naning in his Office will secure a

recognition in the written constitution of the State of Malacca, ..." Beg itulah semuanya yang saya selenggarakan sehinggalah Perlembagaan Negeri Melaka mengenai Naning dapat diwujudkan. Janganlah hendaknya ada pihak-pihak memikirkan Perlembagaan itu datang dengan sendirinya, begitulah susahnya untuk mendapatkan mengikut saluran undang-undang hingga kepada Her Majesty the Queen dengan harapan saya semoga pihak seluruh Dato'- Dato' Lembaga Nan Bosokat, Lembaga (Undang Naning, Pembesar Waris Undang Naning dan anak buah seluruh Naning dapat berdiri teguh untuk mempertahankan Perlembagaan Naning itu, yang dirakamkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga di dalam Perlembagaan Negeri Melaka Artikel 34 dan JADUAL KEDUA.

**KING'S HOUSE
KUALA LUMPUR
MALAYA**

4hb November, 1954.

Surat tulus serta kasih sayang yang tiada menaruh syak dan waham selama-lamanya daripada beta Sir Donald MacGillivray Pesuruh Jaya Tinggi bagi persekutuan Tanah Melayu yang ada pada masa ini di King's House, Kuala Lumpur. Mudah-mudahan barang disampaikan oleh Tuhan seru sekalian alam ke hadapan majlis sahabat beta Dato' Seri Maharaja Manap bin Sapar, Dato' Lela Maharaja Maarof bin A. Gani, Dato' Menteri Penghulu Jaapar bin Dollah, Dato' Syahbandar Dollah bin Hj. Abu, Dato' Nang Kaya Othman bin Jais, Dato' Mangun Manap bin Mengkudum, Dato' Angkai Besar Dol bin Hashim, Dato' Angkai Kochil Ibrahim bin Husin, Dato' Gempa Samah bin Ali, Dato' Melana Garang Ali bin Mat, Dato' Mempelas Baba bin Aman yang beralamat c/o Balai Undang Naning, Melaka dengan beberapa selamat sejahteranya.

Wa-ba dah ahwal ada pun kemudian daripada itulah dimaklumkan bahawa surat sahabat beta yang bertarikh 14hb August tahun 1954 di atas perkara memohonkan pencen waris sudahlah beta terima dan diucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Pada menjawabnya setelah disiasat dengan habis-habis telitinya akan perkara ini maka telah didapati keputusannya bahawa tiadalah saya dapat mempersetujui permintaan sahabat beta itu.

Maka yang sebenarnya seperti dinyatakan oleh sahabat beta itu bahawa perang di antara Naning dengan East India Company itu telah berlaku lebih daripada 120 tahun dahulu, jadinya apa-apa terbitan daripada peristiwa itu umpamanya bayaran sagu hati, pencen dan lain-lain sepatutnya diputuskan pada masa itu juga.

Oleh yang demikian beta duka cita menyatakan bahawa perkara ini telah lebih lampau masanya hendak dibincangkan.

Demikianlah sahaja beta maklumkan disudahi dengan ingatan selamat jua adanya.

Yang benar,

.....

Pesuruh Jaya Tinggi,
Persekutuan Tanah Melayu.

District Office,
Alor Gajah,
26th March, 1956.

Dato' Mohd. Shah bin Mohd. Said.
Dato' Naning,
Sempang Ampat.

Dato'

Constitutional Commission.

1. I attach for your information a copy of a letter which I have received from the Resident Commissioner, setting out the terms of reference for the constitutional Commission and also the terms of the 2 "understandings" reached in London. You asked if I could order classification in particular of the two "understandings". From discussion with the Resident Commissioner I understand the first one to mean that, although it is open to the Constitutional Commission to make recommendations about the future constitution and position of Malacca and Pinang, nevertheless the final decision in this matter still rests with Her Majesty The Queen (i.e. with the British Government). It is simply a means of reserving the British Government's position in relation to the Settlement's. I think that the second "understanding" is clear in meaning. It is to British subjects or subjects of the Rulers may retain their status as either British subjects or the subjects of a Ruler, after they have acquired the new common nationality which the, Constitutional Commission has been directed to consider.

2. May I draw your attention especially to take East sentence of paragraph 3. There is no time to be wasted in this matter. Memoranda may be forwarded to the Settlement Government for the Commission.

.....
(D.F. Barton)
District Officer, Alor Gajah.